

**CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN LUARAN
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)
FASA 2/2022**

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERKARA : PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA	
Cadangan penambahbaikan	Maklum balas
1. Mempertimbangkan kakitangan kontrak diserap kepada jawatan tetap.	Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.1.1.11 – Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak (COS) untuk tujuan pelantikan tetap bagi pegawai COS yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun tertakluk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dengan mengisi jawatan kosong yang sedia ada di dalam waran perjawatan.
2. Pertukaran pusingan kerja kakitangan ke jabatan lain bagi perkhidmatan 5 tahun ke atas.	Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.2.2.1 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam boleh menukarkan pegawai yang berkhidmat tidak melebihi 5 tahun bagi jawatan sensitif dan bagi jawatan tidak sensitif, tidak melebihi 8 tahun.

**CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN LUARAN
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)
FASA 2/2022**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

PERKARA : PENGURUSAN ADUAN	
Cadangan penambahbaikan	Maklum balas
<p>1. Menyelesaikan aduan dengan kadar segera terutamanya pihak MBMB / MPHTJ yang dilihat tidak serius dalam menyelesaikan aduan orang ramai.</p>	<p>Untuk makluman, tempoh penyelesaian aduan adalah dalam 14 hari bekerja. Bahagian ini sentiasa memantau aduan-aduan yang diterima dengan mengeluarkan surat peringatan secara harian dan mingguan kepada Jabatan / Agensi berkaitan, agar aduan dapat diselesaikan dengan kadar segera. Selain itu, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam (JKPA) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang diadakan dua kali sebulan bagi membincangkan aduan-aduan yang belum selesai terutamanya aduan-aduan kompleks supaya dapat diselesaikan dengan kadar segera.</p>